

Headline	Lagi gesa pasarcg lampu isyarat		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	04 Apr 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	238,082
Page No	I-27	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 349
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,047



Lagi gesa pasang lampu isyarat

ALOR SETAR 3 April - Gesaan terhadap pemasangan dua lampu isyarat di sekitar Hosba, dekat Lebuhraya Utara Selatan di Kubang Pasu terus disuarakan apabila Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) negeri turut meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memandang serius perkara tersebut.

Pengerusi GPMS Kedah, Shamsul Bahar Abd. Ranj berkata, gabungan itu menyifatkan rayuan kira-kira 7,000 penduduk dari 13 kampung di sekitar kawasan berkenaan yang mahu lampu isyarat dipasang perlu segera diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab.

“Jika perkara ini tidak diberi perhatian GPMS khuatir mengenai keselamatan orang ramai dan ini akan menjejaskan tumpuan banyak pihak termasuk guru di kawasan terlibat.

“Kami turut menerima aduan bahawa masalah ini turut memberi kesan kepada guru di sebelah Changlun dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM),” katanya di sini hari ini.